

Sila semak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA
DATO SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI
DI MAJLIS PELANCARAN BUKU JAGAAN LENGKAP BAYI
DAN KANAK-KANAK
DI BANGUNAN LEMBAGA PENDUDUK DAN PEMBANGUNAN
KELUARGA NEGARA (LPPKN), KUALA LUMPUR
PADA HARI SELASA, 29 JUN 1999
JAM 4.00 PETANG**

Saya mengucapkan terima kasih atas undangan syarikat penerbitan Arus Intelek Sdn Bhd kepada saya untuk melancarkan dengan rasminya buku Jagaan Lengkap Bayi dan Kanak-kanak ini. Saya juga memberi tahniah dan ucapan syabas kepada Arus Intelek atas daya usaha dan kejayaannya menerbitkan sebuah karya besar seperti ini dalam Bahasa Malaysia. Negara memerlukan buku Bahasa Malaysia dalam berbagai bidang, terutamanya dalam bidang kesihatan.

2. Teringatlah saya kembali pada zaman saya berkhidmat sebagai doktor perubatan dalam Kerajaan. Di waktu itu susah betul saya dan pegawai lain untuk mendapatkan bahan berkenaan penjagaan kesihatan dalam Bahasa Malaysia yang boleh kami perkenalkan kepada para ibu bapa atau pesakit-pesakit yang dirawati. Apa jua panduan dan nasihat yang wajar terpaksa diberi secara lisan. Walaupun diulang berkali-kali kami sedar bahawa sebahagian besar pesanan-pesanan kami itu hilang begitu sahaja. Panduan dan pesanan seperti berkenaan makanan berkhasiat bagi ibu-ibu hamil, suntikan-suntikan awal yang diperlukan untuk bayi bagi mengelakkan penyakit-penyakit tertentu seperti polio dan sebagainya, dan banyak lagi panduan lain belumlah dibukukan pada masa itu. Jikalau adalah buku seperti Jagaan Lengkap Bayi dan Kanak-kanak dalam Bahasa Malaysia seperti ini saya percaya kerja-kerja kami dapat dipermudahkan lagi. Saya bangga melihat Arus Intelek dapat menerbitkan buku ini yang boleh membantu pegawai-pegawai kesihatan dalam tugas mereka menghadapi ibu-ibu hamil, kanak-kanak dan pesakit. Saya percaya juga ibu bapa dapat menggunakan buku ini sebagai rujukan dan teman keluarga.

3. Saya suka melihat kandungan buku ini yang memberi tumpuan besar kepada peri pentingnya susu ibu. Huraian terperinci diberikan berkenaan kesihatan susu ibu dan cara-cara menyusukan anak dengan baik. Saya sedar dalam kemajuan hidup moden sekarang ramai para ibu yang bekerja, dan ada yang tiada berkesempatan atau berpeluang untuk menyusukan anak-anak mereka dengan susu ibu.

4. Namun demikian para ibu haruslah sentiasa mengingati bahawa susu ibu itu adalah susu yang paling lengkap khasiatnya, yang paling berekonomi, paling bersih, dan paling senang untuk diberi. Saya sedar fakta ini sudah berkali-kali ditonjolkan oleh berbagai doktor, pegawai perubatan dan agensi-agensi kesihatan. Pada pendapat saya kempen mengutamakan susu ibu

- elok diulang dari masa ke masa agar ibu-ibu muda mendapat faedah darinya, khasnya ketika kini dimana formula-formula susu sekarang diragui mengandungi kimia-kimia bahaya sebagai dioxin.
5. Seperti pada ibu yang telah mengalami perkara ini sedia maklum, selain dari keutamaan-keutamaan yang saya sebutkan tadi, ada satu lagi faktor yang membuatkan amalan menyusukan anak dengan susu sendiri lebih teristimewa lagi. Di waktu kita menyusukan anak, jalinan rohani di antara ibu dan anak tersemai. Semaian jalinan seperti ini tidak dapat diatasi oleh cara lain.
 6. Dalam ungkapan modennya jalinan ini disebut sebagai "bonding". Bonding ini sangatlah penting kerana melalui bonding nilai-nilai murni yang lain akan tercetus. Peranan kekeluargaan dan taat setia sesama ahli keluarga dapat diperkukuhkan melalui bonding itu tadi.
 7. Dunia barat iri hati dengan kekuatan jalinan kekeluargaan yang masih lagi wujud di kalangan orang Asia. Mereka hairan melihat gejala dan semangat "balik kampung" yang muncul setiap Hari Raya dan percutian. Pada mereka inilah satu nilai sosial yang sudah mula hilang di kalangan mereka.
 8. Berkaitan dengan perkara bonding ini adalah soal mencari masa untuk anak-anak. Dalam kesibukan seharian, ibu yang bekerja sentiasa mengejar masa untuk serba serbi tanggungjawab di pejabat dan di rumah. Walau bagaimana sibuk sekali pun ibu serta juga bapa eloklah mengkhususkan masa untuk anak-anak. Para bapa misalnya eloklah mencaturkan masa setiap hari, sekurang-kurangnya untuk berbual dengan anak masing-masing.
 9. Di dunia barat saya dapati wujud satu amalan yang pada hemat saya elok dijadikan amalan kita juga. Keluarga barat menentukan masa tidur, bed time. Dan ibu atau ayah membawa anak masuk tidur. Ibu/ayah membaca cerita atau bercerita kepada anak-anak sehinggalah anak itu terlena. Masa bed time ini merupakan satu had masa di mana si anak merasa ibu/ayah berada dengan beliau dan untuk beliau semata-mata tanpa diganggu oleh orang lain atau televisyen. Di masa seperti inilah si anak dan si ayah dapat berkongsi perasaan. fikiran walaupun "rahsia". Apabila anak itu membesar dan dalam masa kehidupannya di belakang hari, anak itu akan menghargai sesi-sesi seperti ini.
 10. Saya bercakap tentang perkara-perkara ini berdasarkan pengalaman saya bukan sahaja sebagai doktor perubatan tetapi juga sebagai ibu dan sekarang sebagai nenek. Kesejahteraan seluruh ahli keluarga adalah perkara yang paling saya utamakan.
 11. Sekali lagi saya mengalu-alukan kejayaan Arus Intelek menerbitkan buku yang amat berguna ini. Semoga semua pembaca menerima faedah darinya. Dengan harapan itu dan dengan nama Allah Yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang saya lancarkan dengan rasminya buku "Jagaan Lengkap Bayi dan Kanak-kanak" terjemahan dan terbitan Arus Intelek Sdn Bhd.
